



# **IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN IPGM**

**PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU  
SEKOLAH RENDAH (PGSR)**

**MOD KURSUS DALAM CUTI**

**SEMESTER 1**

## **PANDUAN PEMBELAJARAN**

---

**PENGAJIAN PROFESIONAL**

---

**EDU3103 MURID DAN ALAM BELAJAR**



**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU  
PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**Berkuat kuasa pada November 2008**



## **Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.



## **Falsafah Pendidikan Guru**

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu, dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif, dan berdisiplin.

Cetakan Pertama 2008  
Kementerian Pelajaran Malaysia

**Hak cipta terpelihara. Kecuali untuk tujuan pendidikan yang tidak ada kepentingan komersial, tidak dibenarkan sesiapa mengeluarkan atau mengulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa-apa juga bentuk dan dengan apa-apa cara pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.**

**PANDUAN PEMBELAJARAN INI DIEDARKAN UNTUK KEGUNAAN  
PELAJAR-PELAJAR YANG BERDAFTAR DENGAN BAHAGIAN  
PENDIDIKAN GURU, KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA BAGI  
MENGIKUTI PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH  
(PGSR) IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN.**

**PANDUAN INI HANYA DIGUNAKAN SEBAGAI BAHAN PENGAJARAN  
DAN PEMBELAJARAN BAGI PROGRAM-PROGRAM TERSEBUT.**

Cetakan November 2008  
Bahagian Pendidikan Guru  
Pembangunan Profesionalisme Keguruan  
Kementerian Pelajaran Malaysia

## KANDUNGAN

1. Kata-Alu-aluan	ii
2. Panduan Pembelajaran	iii - v
3. Pengenalan	1
4. Hasil Pembelajaran	1
5. Rangka Isi Pelajaran	2
6. Tajuk 1 Alam Belajar	3
Tajuk 2 Konsep Pengajaran dan Pembelajaran	10
Tajuk 3 Teori-Teori Pembelajaran	14
Tajuk 4 Model , Pendekatan, Strategi dan Kaedah Pengajaran	21
Tajuk 5 Perbezaan Individu dan Pembelajaran	27
Tajuk 6 Motivasi dan Pembelajaran	32
Tajuk 7 Pembentukan Persekitaran yang Kondusif	36
7. Rujukan	38
8. Panel Penulis Panduan Pembelajaran	40
9. Lampiran 1 & 2	

## MUKA SURAT



**BAHAGIAN PENDIDIKAN GURU**  
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**  
TEACHER EDUCATION DIVISION,  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 2-6, BLOK E13, KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E,  
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA



MS ISO 9001: 2000  
(NO. PENDAFTARAN : PA 0021)

Tel : 03-88841000  
Fax : 03-88841081, 88893507  
Kawat : "PELAJARAN"

## KATA ALU-ALUAN PENGARAH

Bismillahi-r-Rahmani-r-Rahim,

Syukur Alhamdulillah kerana Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah berjaya memulakan sesi pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan kepada guru-guru dalam perkhidmatan melalui Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR). Kohort pertama PGSR bermula dengan Ambilan November 2008. Kejayaan melaksanakan program pensiswazahan guru dalam perkhidmatan ini mencipta suatu lakaran sejarah baru kepada 27 Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.

Buku Panduan Pembelajaran untuk Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah ini disediakan bagi membantu pelajar mengurus dan melaksanakan pembelajaran sendiri selaras dengan keperluan sukatan pelajaran peringkat ijazah. Pengurusan pembelajaran sendiri merupakan sebahagian daripada waktu pembelajaran pelajar-pelajar di peringkat ijazah seperti mana yang dikehendaki oleh *Malaysian Qualification Framework* (MQF) untuk tujuan Jaminan Kualiti.

Pelaksanaan Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah adalah secara mod Kursus Dalam Cuti (KDC) yang memerlukan pelajar berinteraksi secara bersemuka yang berlangsung sewaktu cuti persekolahan dan meneruskan pembelajaran secara sendiri apabila pelajar kembali bertugas di sekolah semula. Buku Panduan Pembelajaran ini juga membantu pelajar melaksanakan pengajian akademik mengikut spesifikasi kurikulum yang ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Guru.

Tugasan terarah yang disediakan di dalam Buku Panduan Pembelajaran ini membantu pelajar memahami kandungan kursus yang mereka ikuti dan memperoleh pengalaman pembelajaran secara optimum. Memang menjadi hasrat Bahagian Pendidikan Guru dan Institut Pendidikan Guru Malaysia untuk melahirkan guru-guru berijazah yang profesional dan berkualiti.

Saya percaya Buku Panduan Pembelajaran ini dapat membantu dan mendorong pelajar melalui proses pembelajaran dengan berkesan demi mencapai matlamat program ini.

Sekian, selamat maju jaya.

  
**DATO' MISRAH BIN HAJI IBRAHIM**  
Pengarah  
Bahagian Pendidikan Guru

## PANDUAN PEMBELAJARAN

Panduan Pembelajaran ini disediakan untuk membantu pelajar mengurus aktiviti pembelajaran dengan lebih berkesan dan memenuhi keperluan sukatan pelajaran yang disediakan. Secara keseluruhannya mod pembelajaran yang disarankan berbentuk akses sendiri, kadar sendiri dan terarah sendiri. Dalam konteks ini, pensyarah memainkan peranan sebagai fasilitator kepada pelajar untuk memberi penjelasan kepada pelajar berkaitan tugas yang perlu disediakan oleh pelajar.

Pembelajaran sendiri dengan menggunakan panduan pembelajaran ini memerlukan penglibatan pelajar untuk membuat perancangan rapi dan keputusan pembelajaran masing-masing. Adalah lebih berkesan jika pelajar dapat membentuk sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian yang telah diperolehi. Senarai semak pengetahuan pembelajaran dan “*graduate skills*” dilampirkan pada bahagian akhir panduan pembelajaran untuk dijadikan semakan kepada pelajar.

Buku panduan ini ditulis dalam susunan tajuk-tajuk yang terdapat dalam proforma kursus. Setiap tajuk mengandungi nota ringkas dan tugas terarah yang perlu disempurnakan oleh pelajar dan dimasukkan ke dalam portfolio pembelajaran untuk dinilai. Tugas-tugas yang disediakan membantu pelajar menguasai pengetahuan kandungan dan seterusnya mengaplikasikannya dalam aktiviti pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pelajar juga disarankan untuk mengaplikasikan strategi pembelajaran terkini dengan mengintegrasikan kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi, dan kemahiran mentaksir dan menilai yang merupakan kemahiran-kemahiran yang ditekankan dalam abad ke 21. Strategi pembelajaran di atas boleh dilaksanakan secara sendiri dan juga secara koperatif dengan rakan sekerja.

Panduan Pembelajaran ini disediakan untuk mencapai beberapa objektif utama iaitu: untuk memberi panduan pembelajaran sendiri pelajar selaras dengan pendekatan pembelajaran terkini yang berpusatkan pelajar, meningkatkan pemerolehan ilmu, dan memantapkan serta mengukuhkan kemahiran kejuruan yang sedia ada pada diri pelajar.

Untuk membantu pelajar menguruskan aktiviti pembelajaran, senarai rujukan dicadangkan di dalam setiap panduan pembelajaran. Rujukan lain yang berkaitan boleh digunakan terutama rujukan secara internet. Pelajar juga perlu merujuk pensyarah melalui e-mail untuk mendapatkan bimbingan dan penjelasan.

Anjakan padadigma dalam sistem penyampaian yang dipraktikkan melalui reka bentuk panduan pembelajaran ini dapat melahirkan pelajar yang terlibat secara aktif dalam pembelajaran ( "*engaged learning*") bertunjangkan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar. Di samping itu, pembelajaran secara sendiri berpandukan panduan pembelajaran yang disediakan membantu pelajar memahami konsep kemahiran belajar untuk belajar ("*learn how to learn*").

Diharapkan Panduan Pembelajaran ini mampu menyediakan pengalaman belajar yang mendorong ke arah "*learn how to learn*" tersebut dalam kalangan pelajar.

Beberapa tips yang boleh digunakan oleh pelajar untuk menguruskan pembelajaran sendiri dengan menggunakan Panduan Pembelajaran yang disediakan:

- i. Pelajar perlu memahami Hasil Pembelajaran yang hendak dicapai untuk setiap kursus.

- ii. Pelajar diminta memahami konsep, istilah dan definisi berkaitan sesuatu tajuk kursus secara kontekstual dan bukan hanya sekadar menghafal.
- iii. Konsep belajar yang perlu difahami dan dihayati oleh pelajar merangkumi aktiviti mengakses maklumat, mengumpul maklumat, memproses maklumat dan mengaplikasi maklumat.
- iv. Pelajar dinasihatkan merujuk pelbagai sumber maklumat iaitu pada pensyarah, bahan rujukan, dan rakan sekerja, pengalaman profesional dan juga sumber internet.
- v. Pelajar disarankan untuk menyediakan rancangan pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk pakej untuk digunakan sepanjang 1 tahun pengajian.
- vi. Pengetahuan kandungan dan pedagogi sentiasa dinamik dan bertambah. Oleh itu, pelajar disarankan untuk membuat rujukan maklumat dengan menggunakan kemudahan ICT.
- vii. Pengetahuan semula jadi dan pengalaman profesional yang sedia ada pada pelajar adalah kekuatan yang dapat dimanfaatkan oleh pelajar untuk membuat banding beza dan mengaplikasikan sebagai amalan di bilik darjah.

Selamat maju jaya.

## **PENGENALAN**

Pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan mengenai konsep alam belajar murid; pelbagai teori pembelajaran; implikasi faktor perbezaan individu, motivasi, gaya pembelajaran terhadap pemilihan dan pengaplikasian pendekatan dan strategi pengajaran pembelajaran.

Di samping interaksi dengan pensyarah pada masa cuti, anda boleh menggunakan panduan pembelajaran ini untuk memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran anda dalam beberapa tajuk (Tajuk 1 – 7). Harap anda mendapat pengalaman belajar yang menarik dan mencabar.


## **HASIL PEMBELAJARAN**

- (1) Menjelaskan konsep alam belajar dan pengajaran-pembelajaran
- (2) Menjelaskan kepentingan alam belajar dalam perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak.
- (3) Menghuraikan teori-teori pembelajaran utama dan implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran.
- (4) Memilih dan mengaplikasi pendekatan serta strategi pengajaran pembelajaran yang sesuai berdasarkan teori pembelajaran
- (5) Mengaplikasi pengetahuan tentang perbezaan individu, gaya pembelajaran dan motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran.
- (6) Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.

## RANGKA ISI PELAJARAN

Kursus ini terbahagi kepada 7 tajuk utama. Setiap tajuk dipecahkan kepada beberapa subtopik kecil yang mengandungi latihan-latihan yang berkaitan mengikut kesesuaian. Tajuk-tajuk utama diberi peruntukan masa seperti berikut:

### Peta Konsep



<b>TAJUK 1</b>	<b>ALAM BELAJAR</b>
----------------	---------------------

## **HASIL PEMBELAJARAN**

- (1) Menerangkan konsep alam belajar dalam hubungannya dengan komuniti pembelajaran, elemen alam belajar dan aspek lain seperti keceriaan, keselamatan, budaya dan organisasi sekolah.
- (2) Menjelaskan konsep bermain dalam kalangan kanak-kanak, termasuk jenis main dalam kalangan kanak-kanak
- (3) Menganalisis tujuan dan kegunaan main, serta kepentingan main dalam perkembangan kanak-kanak serta kaedah dan teknik mengajar untuk aktiviti permainan.

### Subtajuk:

- Konsep alam belajar
  - Konteks belajar dan komuniti pembelajaran
- Pengalaman belajar kanak-kanak
  - Pengalaman langsung (first hand experience)
- Peranan dan kepentingan main dalam proses pembelajaran kanak-kanak
- Ciri-ciri dan jenis-jenis main

## PENGENALAN


### KONSEP ALAM BELAJAR



Alam belajar murid terdiri daripada dua komponen. Cuba kaji Rajah 1 dan nyatakan dua komponen itu. Di bawah setiap komponen, nyatakan elemen-elemennya.

Alam Fizikal: \_\_\_\_\_

Psikososial: \_\_\_\_\_



**Rajah 1: Murid dan Alam Belajar**



Melalui pengalaman mengajar anda, apakah aspek-aspek yang harus diberi perhatian dalam pengurusan bilik darjah supaya pembelajaran boleh berlaku dengan berkesan. Cuba buat renungan kembali tentang perkara ini dan simpankan refleksi anda dalam portfolio anda.

## KOMUNITI PEMBELAJARAN

Pembelajaran murid amat dipengaruhi oleh persekitarannya. Teori Ekologi Bronfenbrenner menjelaskan pengaruh sosiobudaya persekitaran terhadap perkembangan dan pembelajaran individu.

Cuba melayari internet tentang teori ini dan nyatakan elemen-elemen dalam setiap sistem dalam model Bronfenbrenner.

1. Mikrosistem: \_\_\_\_\_
2. Mesosistem: \_\_\_\_\_
3. Ekosistem: \_\_\_\_\_
4. Makrosistem: \_\_\_\_\_
5. Kronosistem: \_\_\_\_\_

Interaksi elemen-elemen dalam 5 sistem ekologi Teori Ekologi Bronfenbrenner boleh mempengaruhi perkembangan dan pembelajaran murid. Apakah implikasi teori ini kepada anda sebagai seorang guru? **Hantar jawapan anda kepada pensyarah anda melalui email.**

## PENGALAMAN BELAJAR MURID YANG OPTIMUM

Alam belajar yang kondusif boleh menggalakkan pengalaman belajar dan penglibatan murid yang aktif secara optimum. Alam belajar yang selamat dan merangsangkan boleh mencetuskan minat dan kreativiti murid. Murid perlu diberi kebebasan belajar berdasarkan gaya belajar, gaya berfikir, minat serta masa yang cukup.

Beberapa strategi yang boleh menggalakkan main dan kreativiti dalam bilik darjah.

- Kiu fizikal (*Physical Cues*). Murid perlu dibenarkan menggunakan objek-objek/bahan-bahan dalam pembelajaran mereka. Guru perlu sediakan bahan yang menarik, berguna dan selamat.
- Playfulness. Guru perlu memodel peranan-peranan yang kreatif supaya murid boleh mengikutinya. Contohnya, guru perlu menunjukkan semangat mengajar supaya murid boleh juga berasa keghairahan dan merangsangkan naluri ingin tahu mereka.
- Explorasi – meneroka objek-objek baru
- Kiu Secara (*Oral Cues*)- “idea sparkers” /Cetusan idea
- Huraian(*Description*) – Penerangan guru perlulah jelas, spesifik dan eksplisit.

## **PERANAN DAN KEPENTINGAN MAIN DALAM PEMBELAJARAN MURID-MURID**

Pernahkah kita berfikir bahawa kanak-kanak memerlukan main dalam perkembangan kognitif, psikomotor dan afektif. Terdapat 2 kategori main iaitu permainan sosial dan permainan kognitif. Dengan merujuk kepada nota kuliah dan carian internet, cuba senaraikan 3 jenis permainan/permainan tradisional untuk setiap kategori.

a. Permainan Sosial: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

b. Permainan Kognitif: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Pilih satu permainan tradisional dan nyatakan kepentingannya kepada perkembangan intelek, sosioemosi dan fizikal kanak-kanak.

<b>Jenis Permainan Tradisional</b>		
<b>Perkembangan intelek</b>	<b>Perkembangan sosioemosi</b>	<b>Perkembangan Fizikal</b>

Rujukan: [www.heritage.gov.my/kekwa/viewbudaya.php?id=734](http://www.heritage.gov.my/kekwa/viewbudaya.php?id=734)

Terdapat juga beberapa jenis main untuk kanak-kanak prasekolah. Cuba dapatkan bahan rujukan tentang jenis-jenis main. Lukis satu **peta konsep** tentang jenis-jenis main dengan sifat-sifat penting. Masukkan peta konsep ini dalam portfolio anda.

- Main Sensorimotor
- Main dengan Objek
- Main Simbolik
- Main Sosiodramatik
- Main dengan Peraturan
- Main dengan Binaan

## **REFLEKSI**

Pelajar diminta menilai kembali konsep main dalam kalangan murid. Adakah setiap sesi pengajaran dan pembelajaran memerlukan main? Cuba hubungkan dengan mata pelajaran major masing-masing.

## **RUJUKAN**

Elizabeth,W.& Jane,A.(2005). *Play,learning and the early childhood curriculum*.(2<sup>nd</sup> ed.).London:Paul Chapman.

Woolfolk,A.E.(2004).*Educational psychology*.(9<sup>th</sup> ed.).New Jersey:Prentice Hall.

**HASIL PEMBELAJARAN**

- (1) Membanding bezakan antara konsep pengajaran dan pembelajaran dari aspek pengertian, proses dan ciri-ciri.
- (2) Menyatakan tentang prinsip dan jenis-jenis pembelajaran daripada pandangan salah seorang tokoh pengajaran dan pembelajaran seperti Gagne.
- (3) Menganalisis dan berkongsi maklumat mengenai konsep pengajaran dan pembelajaran untuk refleksi dan kemajuan diri

Subtajuk :

- Pengertian pengajaran dan pembelajaran
- Prinsip-prinsip pembelajaran
- Jenis-jenis pembelajaran

**PENGENALAN**

Apakah yang anda faham tentang pengajaran?


Bagaimanakah anda menunjukkan contoh aktiviti-aktiviti dalam pengajaran yang melibatkan aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian?

**KONSEP PENGAJARAN**

Pengajaran merupakan aktiviti yang berkaitan dengan penyebaran ilmu pengetahuan yang meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian. Secara ringkas, pengajaran merupakan proses untuk menyampaikan dan menyumbang idea-idea serta memudahcara pembinaan ilmu,

menentukan standard dan menggalakkan kreativiti, membantu seseorang pelajar untuk belajar dan mencabar pelajar kearah pencapaian potensi optimum.

Apakah respon anda terhadap gambar di bawah yang dikaitkan dengan konsep pengajaran dan pembelajaran?



## KONSEP PEMBELAJARAN

Konsep pembelajaran adalah perubahan tingkah laku. Ramai ahli psikologi menyatakan pembelajaran adalah proses, melalui latihan atau pengalaman organisma, dan menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal.

Pelajar di minta mencari maklumat tentang prinsip pembelajaran melalui laman : <http://www.intime.uni.edu/model/learning/lear.html>. dan seterusnya memaparkan prinsip-prinsip pembelajaran dalam satu pengurusan grafik.

## TEORI PEMBELAJARAN GAGNE

Gagne(1968) mengatakan pembelajaran bergerak daripada tahap yang paling mudah kepada yang kompleks. Beliau telah mengenalpasti lapan jenis pembelajaran dan setiap pembelajaran hanya akan dicapai sekiranya pelajar telah menguasai pembelajaran di peringkat yang lebih awal.

Dalam jadual hieraki pembelajaran Gagne(1968), lengkapkan ciri-ciri pembelajaran untuk setiap peringkat.

Hieraki Pembelajaran	Ciri-ciri Pembelajaran yang berlaku & Contoh
1. Pembelajaran Isyarat	
2. Pembelajaran Gerak Balas	
3. Rangkaian Motor	
4. Pertalian Bahasa	
5. Diskriminasi	
6. Konsep	
7. Hukum	
8. Penyelesaian Masalah	

## KLASIFIKASI HASIL PEMBELAJARAN GAGNE

Gagne juga telah mengklasifikasi hasil pembelajaran kepada lima jenis pembelajaran. Dengan merujuk kepada nota kuliah dan carian internet, sila lengkapkan jadual di bawah.

Kategori	Huraian
Maklumat lisan	
Kemahiran Intelek	
Strategi Kognitif	
Sikap	
Kemahiran motor	

## REFLEKSI

Pernahkan anda melalui lapan jenis pembelajaran yang disarankan oleh Gagne? Apakah implikasi Teori Pembelajaran Gagne kepada anda sebagai seorang guru?

## RUJUKAN

Woolfolk,A. E (2008) *Educational psychology(10<sup>th</sup> ed)*. Boston,MA:Allyn and Bacon.

<http://hagar.up.ac.za/catts/learner/tyna/gagne.html>  
[www.intime.uni.edu/model/learning/lear.html](http://www.intime.uni.edu/model/learning/lear.html)

<b>TAJUK 3</b>	<b>TEORI-TEORI PEMBELAJARAN</b>
----------------	---------------------------------

### **HASIL PEMBELAJARAN**






- (1) Menghuraikan tentang teori-teori pembelajaran behavioris, kognitif dan konstruktivis, humanistik dan teori pembelajaran sosial.
- (2) Membanding bezakan tentang kekuatan dan kekurangan terhadap teori-teori pembelajaran yang dibincangkan di atas.
- (3) Membuat rumusan tentang implikasi dan aplikasi teori-teori pembelajaran dalam bilik darjah sama ada kelas harian biasa ataupun bagi kanak-kanak berkeperluan khas.

Subtajuk :


- Teori Behavioris
- Teori Kognitif dan Konstruktivis
- Teori Pembelajaran Sosial
- Pendekatan Humanistik
- Implikasi teori-teori pembelajaran terhadap pengajaran-pembelajaran
- Implikasi teori-teori pembelajaran terhadap pengajaran-pembelajaran kanak-kanak berkeperluan khas.

## PENGENALAN

Pernahkah anda mengenali dan membaca hasil penemuan bagi tokoh-tokoh yang berkaitan dengan teori pembelajaran di bawah?:


				
Jean Piaget	Seymour Papert	Jerome Bruner	Lev Vygotsky	John Dewey

Apa pula tanggapan dan persepsi anda terhadap gambar di bawah? Apakah yang anda fikirkan? Adakah anda pernah melihat sebelum ini? Mungkin anda pernah mempelajarinya sewaktu mengikuti kursus perguruan diperingkat sijil perguruan sebelum ini. Berikan respon anda.








Rasa pernah  
lihat dan  
belajar tapi  
dah lupa,



Dengan menggunakan format yang disediakan, anda dikehendaki membuat catatan tentang ujikaji yang dilakukan oleh setiap tokoh teori pembelajaran serta hasil penemuannya. Kemudian anda harus memberikan komen terhadap hasil penemuan tokoh berkenaan.

Diakhir aktiviti ini, anda dikehendaki membincangkan sesama pelajar-pelajar lain tentang apa yang mereka faham daripada hasil penemuan tokoh berkaitan.

Tokoh	Ujikaji	Hasil Dapatan	Komen
 <p><b>Burrhus F. Skinner</b> (1904 – 1990)</p>			
 <p><b>Albert Bandura</b> (1925 – sekarang)</p>			
 <p><b>Ivan Petrovich Pavlov</b> (1849 - 1936)</p>			



**Abraham Maslow**  
( 1908- 1970)



**Jean Piaget**  
(1896- 1980)



**Lev Vygotsky**  
( 1896- 1934)

## IMPLIKASI TEORI-TEORI PEMBELAJARAN



Dalam kumpulan, bincang persoalan di atas bersama pensyarah anda. Bentangkan dapatan anda.

### TUGASAN

Anda di kehendaki menyediakan satu portfolio berkaitan dengan teori pembelajaran dengan mengemukakan sekurang-kurangnya dari 3 bahan yang berbeza dari sumber-sumber tertentu bagi setiap teori pembelajaran, iaitu teori pembelajaran behavioris, teori kognitif dan konstruktivis, teori humanistik dan teori pembelajaran sosial.

Berpandukan kepada bahan yang dikumpulkan, anda perlu merumuskan dengan bantuan satu pengurusan grafik untuk membanding beza teori-teori pembelajaran yang dibincangkan.

## **REFLEKSI**

Anda perlu membuat refleksi serta menilai setiap teori pembelajaran yang dipelajari dan menganalisis sejauh manakah teori-teori itu berguna dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan berpandukan kepada mata pelajaran major masing-masing.

## **RUJUKAN**

Slavin,R.E.(2005).*Educational psychology.Theory and practice*.(5th ed.). Boston:Allyn and Bacon.

Ormrod,J.E.(2008).*Educational psychology:Developing learners*.(6th ed.)Merrill: Pearson Educational International.

<b>TAJUK 4</b>	<b>MODEL, PENDEKATAN, STRATEGI DAN KAEDAH PENGAJARAN</b>
----------------	--

### **HASIL PEMBELAJARAN**

- (1) Menganalisis model-model pengajaran
- (2) Menyatakan implikasi model-model pengajaran terhadap pengajaran dan pembelajaran
- (3) Membezakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran
- (4) Membina Rancangan Pengajaran Harian berdasarkan pedagogi bestari untuk mata pelajaran major masing-masing.

### **PENGENALAN**

Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Terdapat beberapa model pengajaran yang telah diperkenalkan oleh pakar-pakar pendidik sebagai panduan untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan



Terdapat model-model pengajaran yang dibina berdasarkan teori-teori pembelajaran yang anda telah belajar di tajuk yang lepas. Di bawah adalah nota ringkas berkaitan dengan setiap model. Bina sebuah jadual seperti di bawah untuk menunjukkan pemahaman anda tentang setiap model. Anda boleh rujuk kepada : Joyce, B., Weil, M., & Calhoun, E. (2003) *Models of teaching* (7<sup>th</sup> ed.) Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

## **JENIS-JENIS MODEL PENGAJARAN.**

### 1. Model Pemrosesan Maklumat

- Konsep
- Pengajaran konsep
  - Inkuiri
  - Ekspositori
- Implikasi Model Pemrosesan Maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran.

### 2. Model Behavioral





- Pengajaran Langsung (Direct Instruction) untuk penguasaan kemahiran
- Pembelajaran Masteri
- Implikasi Model Behavioral dalam pengajaran dan pembelajaran

### 3. Model Sosial

- Pembelajaran Koperatif
- Main Peranan & Simulasi
- Implikasi Model Sosial dalam pengajaran dan pembelajaran

### 4. Model Personal

- Syntectics (aplikasi kreativiti seperti membuat analogi dan metafora)
  - Kesedaran Peribadi
  - pemupukan konsep sendiri dan harga diri yang tinggi
- Implikasi Model Personal dalam pengajaran dan pembelajaran

Jenis Model Pengajaran	Contoh	Huraian	Implikasi terhadap Pengajaran dan Pembelajaran dalam bilik darjah
<p>1. Model pemprosesan Maklumat</p> 	Inkuiri		
	Ekspositori		
<p>2. Model Behavioral</p> 	Pengajaran Langsung		
	Pembelajaran Masteri		
<p>3. Model Sosial</p> 	Pembelajaran Koperatif		
	Main Peranan & Simulasi		
<p>4. Model Personal</p> 	Synectics		

## DEFINISI, JENIS & PRINSIP-PRINSIP SETIAP PENDEKATAN

**Pendekatan** bermakna cara mendekati sesuatu. Ia merujuk kepada cara bagaimana sesuatu mata pelajaran diajarkan berdasarkan objektifnya. Terdapat beberapa pendekatan yang boleh anda guna di dalam bilik darjah iaitu pendekatan induktif, deduktif, integratif, eklektik dan tematik.

### AKTIVITI

Berdasarkan pengalaman anda, terangkan satu contoh pelajaran/aktiviti untuk setiap jenis pendekatan

Jenis Pendekatan	Prinsip Pembelajaran	Contoh aktiviti
Induktif	Mengajar dari spesifik ke umum	
Deduktif	Mengajar dari umum ke spesifik	
Integratif	Mengintegrasikan isi kandungan & kemahiran ke dalam satu pelajaran	
Eklektik	Kombinasi deduktif, induktif atau integratif	
Tematik	Mengajar pelajaran mengikut satu tema sahaja	

## **DEFINISI, JENIS & PRINSIP-PRINSIP SETIAP STRATEGI**

Strategi pengajaran dan pembelajaran boleh didefinisikan kebijaksanaan memilih, menyusun dan mengurus sesuatu rancangan supaya boleh menghasilkan pencapaian yang optimum.

Strategi-strategi yang boleh digunakan dalam bilik darjah adalah seperti berikut:

- Strategi Pemusatan guru
- Strategi Pemusatan murid
- Strategi Berasaskan bahan
- Strategi Berasaskan tugas/aktiviti

## **AKTIVITI**

Anda dikehendaki melayari internet <http://vels.vcaa.vic.edu.au/support/teaching.html> atau merujuk sumber-sumber lain untuk memahami dengan mendalam strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran.

## **STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM PEDAGOGI BESTARI**

Elemen-elemen bestari yang terkandung dalam Kursus Latihan Guru Bestari melibatkan:

1. Ciri-ciri pelajar (kecerdasan pelbagai, kecerdasan emosi dan gaya pembelajaran)
2. Pendekatan Pembelajaran (Pendekatan berpusatkan pelajar, individu, berfikir, berbantuan teknologi, berasaskan otak dan berasaskan projek)
3. Strategi Pengajaran-Pembelajaran (strategi-strategi direktif, pemerhatian, mediatif, generatif, kolaboratif, pemudahcaraan, konteks luar, kontekstual, kajian masa depan dan strategi metakognitif)

## **AKTIVITI**

Sediakan satu Rancangan Pengajaran Harian(RPH) untuk mata pelajaran yang anda mengajar di sekolah. Anda dikehendaki mengintegrasikan elemen-elemen bestari yang sesuai ke dalam RPH anda.

Anda boleh melayari website ini: <http://www.moe.gov.my> untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang sekolah bestari.

## **INTEGRASI KEMAHIRAN GENERIK DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Kemahiran generik melibatkan kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan mentaksir dan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Sebagai seorang pendidik dan pelajar, kemahiran ini amat penting dan berguna dalam pengajaran dan pembelajaran anda. Cuba dapatkan maklumat lanjut dari sumber-sumber rujukan yang sesuai dan persembahkan maklumat ini dalam bentuk grafik. Pemilihan bentuk grafik (jadual/peta minda/pengurusan grafik) adalah bebas. Simpan latihan ini di dalam portfolio anda.

## **RUJUKAN**

Joyce, B.,Weil,M.,& Calhoun,E. (2003) *Models of teaching* (7<sup>th</sup> ed.) Englewood Cliffs,NJ: Prentice-Hall.

Bennett, N., Wood, E. & Roger, S. (1997). *Teaching through play:Teachers' thinking & classroom practice*. Buckingham: Open University Press.

Arends,R.L.(2001). *Learn to teach*. Boston:Mc-Graw Hill.

<b>TAJUK 5</b>	<b>PERBEZAAN INDIVIDU DAN PEMBELAJARAN</b>
----------------	--

### **HASIL PEMBELAJARAN**


- (1) Menyatakan aspek-aspek perbezaan individu
- (2) Menyenaraikan sifat-sifat utama setiap jenis kecerdasan pelbagai
- (3) Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi gaya pembelajaran murid

### **PENGENALAN**

Perbezaan individu adalah variasi yang boleh diperhatikan di kalangan ahli-ahli dalam satu kumpulan individu dalam aspek temperamen, tahap tenaga, pola persahabatan dan hubungan ibu bapa dengan anak-anak (Borich & Tombari, 1997).

Slavin (2005) pula menumpukan perhatian kepada perbezaan individu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran. Beliau menjelaskan kepelbagaian murid dari segi tahap prestasi, kadar belajar, gaya kognitif atau gaya pembelajaran, etnik, budaya, kelas sosial, bahasa di rumah, jantina, bakar serta minat.

Aspek-aspek perbezaan individu merangkumi:



### TEORI KECERDASAN PELBAGAI GARDNER

Howard Gardner telah memperkenalkan 9 jenis kecerdasan. Di bawah adalah jadual yang menunjukkan jenis-jenis kecerdasan yang ada pada setiap orang. Cuba layari internet dan lengkapkan sifat-sifat utama untuk setiap jenis kecerdasan.

Kecerdasan	Pekerjaan	Sifat-sifat Utama
Logik Matematik	Saintis, pakar statistik ahli nuklear, ahli kaji bintang	
Linguistik/Bahasa	Pengarang, penyair, wartawan, pemedato, ahli politik	
Muzikal	Penggubal lagu, penyanyi, pemain alat-alat muzik	

Ruang (Spatial)	Pelaut, juruterbang, pelukis	
Kinestetik badan	Penari, ahli sukan, ahli gimnastik	
Interpersonal	Juru jual, kaunselor, guru	
Intrapersonal	Ahli ulamak, ahli falsafah, ahli psikologi dan ahli teologi	
Naturalist	Ahli botanist, ahli pencinta alam	
Existentialist	Individu yang berminat tentang hayat, evolusi manusia dan kematian	

### **GAYA PEMBELAJARAN DUNN & DUNN (2000)**

Perbezaan Individu yang kedua dan relevan dengan profesion kita adalah perbezaan gaya pembelajaran. Gaya pembelajaran seseorang merujuk kepada stail pembelajarannya. Pada umumnya terdapat tiga jenis gaya pembelajaran iaitu Visual, Audio dan Kinestetik. Akan tetapi, Dunn & Dunn (2000) memperkenalkan lima rangsangan yang boleh mempengaruhi gaya pembelajaran seseorang. Jadual berikut menunjukkan faktor-faktor yang memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya pembelajaran murid. Lengkapkan ruang yang kosong.

<b>Faktor</b>	<b>Unsur</b>	<b>Huraian</b>
<b>Rangsangan Persekitaran</b>	Cahaya	
	Bunyi	
	Suhu	
	Reka bentuk tempat belajar	
<b>Rangsangan Emosi</b>	Motivasi	
	Keazaman & Tanggung-Jawab	
	Struktur	
<b>Sosial</b>	Perseorangan	
	Berpasangan	
	Berkumpulan	
	Orang dewasa	
<b>Fisiologi</b>	Masa Belajar	
	Mobiliti	
	Pemakanan	
	Persepsi	
<b>Psikologi</b>	Otak Kiri & Otak Kanan	
	Refleksi	
	Gerak hati	
	Global/Analitik	

## **REFLEKSI DAN TUGASAN:**

Dalam pengajaran seharian anda, pernahkah anda jumpa murid yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza? Cuba anda senaraikan perbezaan-perbezaan itu. Dengan mengambilkira perbezaan murid anda, sediakan satu Rancangan Pengajaran Harian yang mengandungi aktiviti yang bersesuaian dengan kepelbagaian kecerdasan dan gaya pembelajaran murid. Cuba anda hasilkan RPH berdasarkan mata pelajaran major anda dan serah kepada pensyarah untuk disemak.

<b>TAJUK 6</b>	<b>MOTIVASI UNTUK PEMBELAJARAN</b>
----------------	------------------------------------

**HASIL PEMBELAJARAN**

- (1) Mendefinisikan dua jenis motivasi
- (2) Membezakan nilai pencapaian, nilai intrinsik dan nilai minat yang mendorong seseorang murid
- (3) Menghuraikan teori-teori berkaitan motivasi dalam pembelajaran

**PENGENALAN**

Motivasi bermakna sesuatu kuasa yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, motivasi dianggap sebagai satu unsur yang penting yang membolehkan murid-murid melibatkan diri secara aktif, disamping menjadikan proses pembelajaran itu berlangsung dalam keadaan bermakna, berfaedah dan mengembirakan (Kamarudin Hj Husin, 1993)

Santrock (2008) mengatakan “motivation is the reason why people behave the way they do. Motivated behavior is energized, directed, and sustained”. Motivasi adalah kuasa yang menggerakkan manusia mencapai sesuatu matlamat.

Terdapat dua jenis motivasi yang umum. Beri definisi untuk setiap jenis motivasi dengan contoh.

1. Motivasi Ekstrinsik: Huraian: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Contoh: \_\_\_\_\_

2. Motivasi Intrinsik: Huraian: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Contoh: \_\_\_\_\_

Nilai sesuatu aktiviti atau tugas mempengaruhi motivasi seseorang melakukan sesuatu. Tugas mempunyai tiga jenis nilai yang penting kepada murid, iaitu nilai pencapaian (attainment value), nilai minat atau intrinsik dan nilai utiliti.

**Nilai pencapaian:** Pentingnya melakukan sesuatu tugas dengan baik. Kejayaan sesuatu tugas memenuhi keperluan peribadi.

**Nilai Intrinsik/Minat:** Keseronokan yang didapati dari melakukan sesuatu tugas.

**Nilai Utiliti:** Sumbangan sesuatu tugas kepada pencapaian sesuatu matlamat

### **AKTIVITI APLIKASI**

Baca scenario-scenario berikut dan kenalpasti samada aktiviti ini mempunyai nilai pencapaian, nilai intrinsik atau nilai utiliti.

1. Ibu saya sediakan masakan yang sedap. Masakan beliau menunjukkan perasaan kasih sayang terhadap keluarga. Beliau juga adalah seorang isteri dan ibu yang baik. Akan tetapi beliau tidak suka memasak.
2. Ayah saya adalah seorang yang handal dalam memberi ucapan umum. Beliau menunjukkan banyak kualiti kepimpinan. Beliau memegang banyak jawatan pentadbiran yang penting dalam syarikatnya dan mempengerusikan majlis gereja. Jadi apabila ayah saya di minta menjadi Presiden dalam salah satu aktiviti gereja, beliau setuju walaupun menghadapi kekangan masa.

3. Teresa menghasilkan kraftangan yang cantik. Beliau menghadihkan kepada kawan dan keluarga sebagai hadiah. Apabila saya mencadangkan bahawa beliau sepatut jua kraftangan yang dihasilkan, Teresa mengatakan itu bukan matlamatnya.
4. Jerry adalah murid yang pandai dalam Algebra dan digelar "professor" oleh kawan-kawannya. Dia merasa agak malu sebab sebenarnya beliau tidak suka Algebra. Akan tetapi beliau sedar bahawa dia perlu mencapai prestasi yang baik dalam matematik supaya dia boleh mencapai cita-citanya sebagai seorang angkasawan.
5. Ali menjadi seorang ahli dalam Kelab Alam Sekitar. Beliau menegaskan bahawa beliau tidak mempunyai kepakaran dalam aspek alam sekitar tetapi beliau mengakui amat menghargai kecantikan dan ketenangan alam sekitar.

### **TEORI-TEORI BERKAITAN MOTIVASI**

Teori motivasi boleh dilihat dari perspektif Teori Pembelajaran Tingkahlaku/ Behaviorisme, Teori Pembelajaran Kognitif, Teori Humanisme dan Teori Pembelajaran Sosial-kognitif. Dengan merujuk nota kuliah dan carian internet isikan jadual di bawah.

#### **Jadual Menjelaskan Tentang Beberapa Perspektif Tentang Motivasi**

<b>Konsep</b>	<b>Idea Utama</b>	<b>Huraian</b>
<b>Perspektif tentang motivasi</b>	<b>Behaviorisme</b>	
	<b>Humanistik</b>	
	<b>Kognitif</b>	
	<b>Sosial-Kognitif</b>	

**Rujukan:**

Mowrer-Popiel, E. (1998). *Study Guide for Woolfolk. Educational Psychology.*(7<sup>th</sup> ed). Boston : Allyn & Bacon

Ramlah Jantan & Mahani Razali (2003). *Psikologi Pendidikan. Pendekatan Kontemporari.* KL : Mac Graw Hill.

<b>TAJUK 7</b>	<b>PEMBENTUKAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN YANG KONDUSIF</b>
----------------	--


### **HASIL PEMBELAJARAN**

- (1) Membuat refleksi tentang aspek-aspek yang mempengaruhi persekitaran bilik darjah
- (2) Melakarkan pelan bilik darjah yang mempunyai persekitaran pembelajaran yang kondusif

### **PENGENALAN**

Cuba renung kembali tajuk-tajuk yang anda telah pelajari. Aspek manakah paling mempengaruhi persekitaran bilik darjah? Berdasarkan pengalaman anda sebagai pengurus bilik darjah, bagaimana anda dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dalam bilik darjah?

Cuba anda melakarkan pelan bilik darjah yang mempunyai persekitaran pembelajaran yang kondusif dengan maklumat dan pengetahuan yang diperolehi sepanjang kursus ini. Rajah di bawah menunjukkan contoh susunan bilik darjah yang selesa. Selain daripada susunan fizikal bilik darjah yang selesa, apakah aspek-aspek lain yang harus di beri perhatian dalam menghasilkan **persekitaran pembelajaran yang kondusif**?



Contoh susunan bilik darjah sekolah rendah yang selesa

## RUJUKAN

Santrock, J.W. (2008) *Educational psychology* (3<sup>rd</sup> ed.) New York:McGraw-Hill.

## RUJUKAN

- Arends, R.L. (2001). *Learn to teach*. Boston: Mc-Graw Hill.
- Bennett, N., Wood, E. & Roger, S. (1997). *Teaching through play: Teachers' thinking and classroom practice*. Buckingham: Open University Press
- Brearily, M. (2001). *Emotional intelligence in the classroom*. Carmarthen Wales: Crown House Publishing Ltd.
- Borich, G.D. & Tombari, M.L., (1995). *Educational psychology :A contemporary approach*. New York: Harper Collins College Publisher.
- Dunn, R.S & Dunn, R. Griggs, S.A (2000) *Practical approaches to using learning styles in higher education*. Westport: Bergin & Garvey
- Elias, M.J. & Arnold, H. (2006). *The educator's guide to emotional intelligence and academic achievement: Social-emotional learning in the classroom*. CA: Corwin Press.
- Ellington, H. & Earl, S. (1999). *Facilitating student learning*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Elizabeth, W. & Jane, A. (2005). *Play, learning and the early childhood curriculum*. (2<sup>nd</sup> ed). London: Paul Chapman.
- Joyce, B., Weil, M., & Calhoun, E. (2003) *Models of teaching* (7<sup>th</sup> ed.) Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Kamarudin Hj Husin (1993). *Pedagogi 3. Penggunaan psikologi dalam bilik darjah*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Ramlah Jantan & Mahani Razali (2002). *Psikologi pendidikan. Pendekatan kontemporari*. KL: Mc Graw Hill
- Rief, S.F., Heimburge, J.A. (2006). *How to reach and teach all children in the inclusive classroom: Practical strategies, lessons and activities*. (2<sup>nd</sup> ed). Canada: John Wiley & Sons.
- Santrock, J.W. (1995) *Developmental psychology childhood & adolescent* (5<sup>th</sup> ed). CA: Brooks/Cole Publishing Co.
- Santrock, J.W. (2008). *Educational psychology* (3<sup>rd</sup> ed.) New York: McGraw-Hill

Slavin, R. E.(2005) *Educational psychology. Theory and practice*. Boston: Allyn & Bacon.

Strong, R.W., Silver, H. & Perini, M.J. (2000). *So each may learn: Integrating learning styles and multiple intelligences*. U.S.A: ASCD

Tomlinson, C.A. & McTighe, J. (2006). *Integrating differentiated instruction and understanding by design: Connecting content and kids*. U.S.A: ASCD.

Wood, E. & Attfield, J. (2005). *Play, learning and the early childhood curriculum*. (2<sup>nd</sup> ed). London: Paul Chapman.

**PANEL PENULISAN PANDUAN PEMBELAJARAN ILMU PENDIDIKAN  
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH (PGSR)  
(PENGAJIAN PROFESIONAL)**

NAMA	KELAYAKAN
<p><b>Dr Noriati bt Rashid</b></p> <p><b>Ketua Penolong Pengarah Unit Kurikulum Bahagian Pendidikan Malaysia Kementerian Pelajaran Malaysia</b></p>	<p><b>Kelulusan:</b> PhD.(Sosiolinguistik), UM Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan), UM B.A. Hons.(Geografi &amp; Bahasa Melayu), UM Dip. Pendidikan (Geografi &amp; Bahasa Melayu),UM</p>
<p><b>Dr Chin Phoi Ching</b></p> <p><b>Pensyarah Institut Perguruan Persekutuan Pulau Pinang 11700 Pulau Pinang</b></p> <p><b>phoi_ching@yahoo.com</b></p>	<p><b>Kelulusan:</b> PhD (Pendidikan Geografi), USM MEd (Pendidikan Geografi), USM BA (Hons) Geografi, UM Dip Pendidikan (Geografi), UM</p> <p><b>Pengalaman:</b> Pensyarah Ilmu Pendidikan (5 tahun) Pensyarah Kajian Sosial (13 tahun) Cuti Belajar (3 ½ tahun) Guru Sekolah Menengah (4½ tahun)</p>
<p><b>En. Khalid bin Jonit</b></p> <p><b>Pensyarah Institut Bahasa Melayu Malaysia Lembah Pantai Kuala Lumpur</b></p> <p><b>drskhalidjonit@yahoo.com.my</b></p>	<p><b>Kelulusan:</b> MEd (Psikologi Pendidikan), UPSI BA (Hons) Psikologi Pend. &amp; Bimbingan , UNIMED, Indonesia.</p> <p><b>Pengalaman:</b> Pensyarah Ilmu Pendidikan (4 tahun) Penolong Pengarah di Bahagian Pendidikan Guru (BPG), (1 tahun) Guru Sekolah Menengah (14 tahun)</p>
<p><b>Dr. Boon Pong Ying</b></p> <p><b>Pensyarah Kanan Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa Lembah Pantai Kuala Lumpur</b></p> <p><b>boon_ying@yahoo.com</b></p>	<p><b>Kelulusan:</b> PhD (Pengujian dan Penilaian Pendidikan) UKM M.Ed(Pengujian dan Penilaian),UM B.A(Hons) Geografi , UM Dip. Ed.(Kepujian) UM</p> <p><b>Pengalaman:</b> Pensyarah Ilmu Pendidikan ( 23 tahun) Guru Sekolah Menengah(5 tahun)</p>